

**PM: Pembangkang Cari Segala Isu Tatkala Musim P/Raya Sudah Dekat
Bernama
24 Mac, 2012**

PORT DICKSON, 24 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata tatkala musim pilihan raya semakin dekat, parti pembangkang akan mencari segala isu tanpa mengira isu itu mempunyai fakta yang betul ataupun tidak semata-mata untuk mengurangkan keyakinan atau kepercayaan rakyat terhadap kerajaan.

Oleh yang demikian, Perdana Menteri berkata rakyat mesti tahu membezakan antara fakta dan auta.

"Saya lihat banyak yang diutarakan oleh pembangkang ini bukan fakta tapi auta...tidak boleh pakai," katanya semasa berucap pada majlis makan tengah hari yang dihadiri lebih 30,000 orang di Dataran Kompleks Pentadbiran Daerah Port Dickson di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Mohamad Hasan.

Najib berkata pembangkang tuduh bantuan yang diberikan kerajaan kepada rakyat seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sebagai duit haram, pinjam Bank Dunia (IMF) dan rasuah politik tetapi apabila kerajaan buka daftar untuk BR1M, pembangkang turut mendapatkan bantuan itu, kadang-kadang lebih awal daripada penyokong BN.

"Tapi kalau tuduh duit haram dan sebagainya, janganlah terima daripada kerajaan....muka tebal...ini yang saya katakan auta. Kerajaan beri (BR1M) atas fakta iaitu kerajaan kita telah mengurus tabdir negara kita dengan baik dan kita pulangkan hasil kepada rakyat.

"Sebagai sebuah kerajaan, kita mestilah melakukan yang terbaik untuk kepentingan rakyat. Salah satu daripada ukuran atau pun penentuan yang penting dalam sistem demokrasi berparlimen dan terbuka seperti yang diamalkan oleh negara kita ialah kita mesti membina kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap kerajaan," katanya.

Katanya dalam tempoh tiga tahun ini rakyat dapat melihat satu demi satu pembaharuan diperkenalkan oleh kerajaan seperti Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi, Program Transformasi Politik dan Program Transformasi Luar Bandar.

Najib berkata melalui pelbagai bantuan, program, dasar dan projek yang dilaksanakan kerajaan itu yang boleh mengubah landskap keadaan setempat dan negara pada keseluruhannya, beliau dapat merasakan bahawa keyakinan dan kepercayaan rakyat kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) telah bertambah.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM5 juta untuk pembinaan kolam renang kem tentera darat di sini.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=654595>

